

ISU PPR : PAKATAN SELESAIKAN MASALAH PENINGGALAN BN

Oleh Syasya Sufian (Selangorkini)



SHAH ALAM, 4 OGOS : Berjuta-juta ringgit diperuntukkan Kerajaan Negeri Selangor sejak 2008 bagi membaiki pulih Projek Perumahan Rakyat (PPR) di negeri itu.

Mengambil contoh pada 2011 dan 2012, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad, berkata lebih RM3.1 juta dibelanjakan untuk membaiki pulih dan menggantikan lif juga pam air di PPR Lembah Subang 1 dan PPR Kota Damansara.

"Manakala tahun ini sahaja, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menanggung kos RM4.7 juta untuk penyelenggaraan PPR Lembah Subang 1 seperti pembersihan awam, kutipan sampah dan kerja-kerja elektrik.

"Kos itu tidak termasuk peruntukan RM7.5 juta dalam Belanjawan Selangor 2015 iaitu bagi

membaiki pulih PPR Kota Damansara berjumlah RM5 juta, PPR Kg Baru Hicom RM1.1 juta dan PPR Serendah RM1.4 juta," katanya dalam satu kenyataan.



Mengulas lanjut, Iskandar berkata, kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor telah mewarisi PPR yang sarat dengan masalah sewaktu mengambil alih pentadbiran negeri pada bulan Mac 2008.

Malah katanya, dakwaan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar adalah tidak tepat.

"Serangan Noh terhadap Kerajaan Selangor adalah tidak tepat dan menyembunyikan banyak fakta.

"Seolah-olah apabila Kerajaan Persekutuan menyerahkan PPR kepada Kerajaan Negeri maka Kerajaan Negeri dapat mengaut keuntungan dari sewa-sewa PPR tersebut.

"Tetapi pada hakikatnya sewa yang dipungut tidak mencukupi untuk membiayai kos penyelenggaraan bulanan dan kos baik pulih dari masa ke semasa yang menelan belanja berjuta-juta ringgit.

"Oleh itu, Noh seharusnya mengurangkan permainan politik dan berbincang dengan Kerajaan Negeri secara bertamadun tentang masalah rakyat," katanya.

Sebelum ini, Noh berkata pihaknya akan menghantar surat rasmi kepada Kerajaan Negeri bagi memohon mengambil alih pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR-PPR di Selangor.

2 dari 4 PPR Selangor terletak di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan iaitu PPR Lembah Subang 1 dan PPR Serendah. Walau bagaimanapun Noh hanya memohon untuk mengambil alih PPR Lembah Subang 1.

